

**Product Disclosure Sheet**  
**(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the Debit Card. Be sure to also read the general terms and conditions)**

**PDSDC**  
**RHB Bank Berhad**  
**RHB Debit Card**  
**Date:**

**1. WHAT IS THIS PRODUCT ABOUT?**

This is a debit card, a payment instrument which allows you to pay for goods and services from your deposit account at participating retail and service outlets via Visa or MasterCard network and it also allows cash withdrawal via local Automatic Teller Machines (ATM) as well. A deposit account is required to allow linkage to your debit card. If you close your deposit account maintained with us, your debit card will be automatically cancelled and terminated.

**2. WHAT ARE THE FEES AND CHARGES I HAVE TO PAY?**

<b>Annual/Issuance fee*</b>	
RHB Debit Card - RM12	RM12-72 (with 0.5% cash back for overseas transaction)
RHB Debit Card - RM8	RM8-48 (without cashback)
Premier Visa Infinite Debit Card	RM53-00 Waived for the first year. For the subsequent years, it will be waived subject to RM5,000-00 retail spend per annum or swipe their card a minimum of 5 times in a year.
<b>ATM withdrawal fee*</b>	
RHB ATM	Free
Local Bank MEPS	RM1-06 per withdrawal. Waived for Premier Visa Infinite Debit Card
Foreign Bank MEPS	RM4-24 per withdrawal
Visa/MasterCard Network	RM8-48 per withdrawal
<b>Card replacement fee</b>	
RHB Debit Card - RM12	RM15-00
RHB Debit Card - RM8	RM12-00
Premier Visa Infinite Debit Card	RM15-00
Overseas transaction conversion fee	1% of the converted amount
Sales draft retrieval fee *	RM21-20 per copy

*\* Inclusive of 6% Good & Service Tax.*

*For the avoidance of doubt, the Cardmember shall bear all professional fees, taxes (including but not limited to service tax or Goods and Services Tax "GST"), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of this Product.*

**3. WHAT ARE THE KEY TERMS & CONDITIONS?**

Pre-authorisation for payment using debit card.

Pre-authorisation amount of RM200 will be charged to your payment instrument account / banking account when you make a payment using your debit card at automated fuel dispenser. We will only post the exact amount of transaction and release any extra hold amount from your account within 3 working days after the transaction date.

**To turn off the contactless function of debit cards.**

Customers have the option of turning off the contactless function of debit cards by visiting any RHB Branch.

**To reduce the contactless amount or count for debit cards.**

Customers have the option of reducing the contactless amount or contactless count for debit cards by visiting any RHB Branch or by contacting our Customer Care Center.

#### 4. WHAT IF I FAIL TO FULFILL MY OBLIGATIONS?

You will be held liable for PIN-based unauthorized transactions if you have:

- acted fraudulently;
- delayed in notifying us as soon as reasonable practicable after having discovered the loss of unauthorized use of your debit card;
- voluntarily disclosed your PIN to another person; or
- recorded your PIN on the debit card, or on anything kept in close proximity with your debit card.

You will be held liable for any unauthorized transactions which require signature verification or with contactless card, if you have:

- acted fraudulently;
- delayed in notifying us as soon as reasonable practicable after having discovered the loss of unauthorized use of your debit card;
- left your debit card or an item containing your debit card, unattended in places visible and accessible to other; or
- voluntarily allowed another person to use your debit card

#### 5. WHAT ARE THE MAJOR RISKS?

In the event that your card is stolen or lost, you are required to notify us immediately by calling our Customer Care Centre or to go to the nearest branch in order for us to block the card immediately.

#### 6. WHAT DO I NEED TO DO IF THERE ARE CHANGES TO MY CONTACT DETAILS?

Inform us of any change in your contact details by going to any of our branches. It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

#### 7. WHERE CAN I GET FURTHER INFORMATION?

For more information, please call our Customer Care Centre at 03-9206 8118 (available 24 hours, 7 days a week) or visit [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) or visit any RHB branches conveniently located near you.

#### 8. IF YOU WISH TO COMPLAINT ON THE PRODUCTS OR SERVICES PROVIDED BY US, YOU MAY ALSO CONTACT US AT:

Address	RHB Cards & Unsecured Business
	P.O. Box 10135, 50905 Kuala Lumpur
Tel	03-92068118 (RHB Phone Banking) 03-92061188 for Premier Visa Infinite Debit Card ONLY
Fax	03-92068088
E-mail	<a href="mailto:customer.service@rhbgroup.com">customer.service@rhbgroup.com</a>
Website	<a href="http://www.rhbgroup.com">www.rhbgroup.com</a>

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Address	Block D, Bank Negara Malaysia,
	Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel	1-300-88-5465
Fax	03-2174 1515
E-mail	<a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a>

#### 9. OTHER DEBIT CARD PACKAGES AVAILABLE

Selected Debit Card with Clean Overdraft Facility

*The information provided in this disclosure sheet is valid as of 24th February 2017.*

**Helaian Pendedahan Produk**  
**(Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda**  
**bercadang mengambil Kad Debit. Pastikan juga anda**  
**membaca terma dan syarat umumnya)**

**PSDC**  
**RHB Bank Berhad**  
**Kad Debit RHB**  
**Tarikh:**

### 1. PENGENALAN PRODUK

Ini adalah kad debit, suatu bentuk pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran untuk barangan dan perkhidmatan daripada akaun deposit anda di cawangan runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian melalui rangkaian Visa atau MasterCard dan juga membolehkan anda mengeluarkan wang tunai menerusi Mesin Teler Automatik (ATM) tempatan. Suatu akaun deposit diperlukan untuk membolehkan akses kepada kad debit anda. Jika anda menutup akaun deposit yang diselenggarakan dengan kami, kad debit anda akan dibatalkan secara automatik dan ditamatkan.

### 2. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

<b>Yuran pengeluaran/tahunan*</b>	
Kad Debit RHB - RM12	RM12-72 (dengan Pulangan Tunai 0.5% untuk transaksi luar negara)
Kad Debit RHB - RM8	RM8-48 (tanpa Pulangan Tunai)
Kad Debit Premier Visa Infinite	RM53-00 Dikecualikan untuk tahun pertama. Untuk tahun berikutnya, akan dikecualikan sekiranya jumlah transaksi debit RM5,000.00 setahun atau membuat sekurang-kurangnya 5 kali transaksi debit setahun.
<b>Yuran pengeluaran wang ATM*</b>	
RHB ATM	Percuma
MEPS Bank Tempatan	RM1-06 setiap pengeluaran. Dikecualikan untuk Kad Debit Premier Visa Infinite
MEPS Bank Asing	RM4-24 setiap pengeluaran
Rangkaian Visa/MasterCard	RM8-48 setiap pengeluaran
<b>Yuran penggantian kad</b>	
Kad Debit RHB - RM12	RM15-00
Kad Debit RHB - RM8	RM12-00
Kad Debit Premier Visa Infinite	RM15-00
Yuran pertukaran mata wang bagi urusan niaga luar negara	1% daripada jumlah amaun yang ditukar
Yuran mendapatkan semula draf jualan*	RM21-20 setiap draf

*\*Termasuk 6% Cukai Barangan dan Perkhidmatan  
 Bagi mengelakkan keraguan, Ahli Kad hendaklah menanggung semua yuran professional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau GST), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.*

### 3. APAKAH TERMA UTAMA?

Dana Tertahan untuk pembayaran menggunakan Kad Debit.  
 Amaun sebanyak RM200 untuk Dana Tertahan akan dikenakan ke atas akaun Perbankan / akaun pembayaran anda apabila anda membuat pembayaran menggunakan kad debit anda

untuk transaksi petrol. Jumlah sebenar transaksi akan dikenakan dan sebarang jumlah dana tertahan yang lebih akan dilepaskan dalam masa 3 hari bekerja selepas tarikh transaksi.

**Untuk menutup fungsi tanpa sentuh (“contactless”) untuk kad debit**

Anda ada pilihan untuk menutup fungsi tanpa sentuh (contactless) untuk Kad Debit melalui mana-mana Cawangan RHB Bank.

**Penurunan jumlah tanpa sentuh atau bilangan transaksi kad debit.**

Anda ada pilihan samada untuk menurun jumlah tanpa sentuh atau bilangan transaksi melalui mana-mana Cawangan RHB atau menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan RHB.

**4. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI OBLIGASI SAYA?**

Anda bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran berasaskan PIN jika anda:

- Melakukan penipuan;
- Lewat memberitahu pihak Bank secepat yang dapat dilaksanakan selepas mendapat tahu kehilangan penggunaan tanpa kebenaran ke atas Kad Debit anda;
- Secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
- Merekodkan PIN anda pada Kad Debit anda atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan.

Anda bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh jika anda:

- Melakukan penipuan;
- Lewat memberitahu pihak Bank secepat yang dapat dilaksanakan selepas mendapat tahu kehilangan penggunaan tanpa kebenaran ke atas Kad Debit anda;
- Merekodkan PIN anda pada Kad Debit anda atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan
- meninggalkan kad debit anda atau item yang mengandungi kad debit anda tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses kepada yang lain; atau
- secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan kad debit anda

**5. APAKAH RISIKO UTAMA?**

Sekiranya kad debit anda hilang atau dicuri, anda dikehendaki memberitahu kami dengan serta-merta dengan menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan atau pergi ke mana-mana cawangan bank yang terdekat supaya kami dapat menghalang penggunaan kad tersebut dengan serta-merta.

**6. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT APA-APA PERUBAHAN KEPADA BUTIR-BUTIR PERIBADI SAYA?**

Beritahu kami akan apa-apa perubahan butir-butir peribadi anda dengan mengunjungi mana-mana cawangan kami. Mustahak bagi anda memberitahu kami akan apa-apa perubahan kepada butir-butir peribadi anda untuk memastikan agar urusan surat-menyurat berjalan dengan lancar dalam masa yang ditetapkan.

**7. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT SELANJUTNYA?**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan di 03-9206 8118 (disediakan 24 jam, 7 hari seminggu), atau layari [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) atau kunjungi mana-mana cawangan RHB yang berdekatan dengan tempat anda.

**8. JIKA ANDA MEMPUYAI SEBARANG ADUAN MENGENAI PRODUK ATAU PERKHIDMATAN KAMI, ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI DI:**

Alamat	RHB Cards & Unsecured Business P.O. Box 10135, 50905 Kuala Lumpur
Tel	03-92068118 (RHB Phone Banking) 03-92061188 untuk Kad Debit Premier Visa Infinite
Faks	03-92068088

E-mel	<a href="mailto:customer.service@rhbgroup.com">customer.service@rhbgroup.com</a>
Laman web	<a href="http://www.rhbgroup.com">www.rhbgroup.com</a>

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat	Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel	1-300-88-5465
Faks	03-2174 1515
E-mel	bnmtelelink@bnm.gov.my

#### **9. PAKEJ KAD DEBIT LAIN YANG DISEDIAKAN**

Kad Debit tertentu dengan Kemudahan Overdraif Tanpa Cagaran.

*Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah dari 24hb Februari 2017.*